



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN BAHARU
PERPUSTAKAAN DESA
KAMPUNG KUMBATANG, MATUNGGONG,
KUDAT, SABAH**

17 FEBRUARI 2024 (SABTU)

9.00 PAGI

**PERPUSTAKAAN DESA
KAMPUNG KUMBATANG, MATUNGGONG,
KUDAT, SABAH**

Salam Perpaduan dan Salam Malaysia MADANI,

SALUTASI

*disediakan secara berasingan

PENDAHULUAN

1. Kita amat bertuah dapat berkumpul bersama pada pagi ini bagi memeriahkan acara **perasmian bangunan baharu Perpustakaan Desa Kampung Kumbatang**, satu lagi mercu tanda kebanggaan bagi penduduk daerah Matunggong, Kudat.
2. Syabas dan tahniah saya ucapkan atas kerjasama strategik antara agensi Persekutuan dan agensi Kerajaan Negeri yang terlibat seperti **Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), Unit Perancang Ekonomi (EPU), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) Negeri Sabah, Pejabat Daerah Kudat, Jabatan Kerja Raya (JKR)** dan lain-lain bagi memastikan penganjuran majlis ini berjalan dengan lancar dan teratur.

INISIATIF GALAKAN MEMBACA

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi,

3. Kementerian melalui Perpustakaan Negara Malaysia telah menjalankan **Kajian Profil Membaca Rakyat Malaysia bagi tahun 2022** yang menunjukkan peningkatan jumlah kepada **24 naskah setahun berbanding hanya 15 naskah pada tahun 2014.**
4. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah berjaya melaksanakan sebanyak **63,406 program galakan membaca dan literasi maklumat** pada tahun 2023 dengan kerjasama pelbagai pihak. Kementerian amat komited dalam meningkatkan pelaksanaan program galakan membaca bagi melahirkan masyarakat berilmu dan berpengetahuan tinggi.
5. Bagi menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia, KPN akan melaksanakan **kempen membaca (#bacasamasama)** sepanjang tahun seperti:
 - Jom Baca Bersama 10 Minit
 - Karnival Baca Perdana
 - Bacaan Kegemaran Saya

- Hari Buku Sedunia
 - Kembara Ilmu
 - Anugerah Buku
6. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan syabas kepada **Kerajaan Negeri Sabah dan Malaysia Airport Berhad (MAB)** kerana berjaya mewujudkan perpustakaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu yang merupakan satu-satunya lapangan terbang yang mempunyai perpustakaan.
7. **Kementerian Perpaduan Negara akan berkerjasama dengan Kementerian Pengangkutan bagi mewujudkan *Airport Library*** di kesemua lapangan terbang di negara ini bermula tahun ini. Bagi merealisasikan usaha murni ini, Kementerian akan menjadikan **Amsterdam Airport Schiphol Library sebagai penanda aras** dalam meningkatkan aktiviti galakan membaca.

PEMBANGUNAN PERPUSTAKAAN DESA

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

8. **Perpustakaan merupakan salah satu pusat pertemuan komuniti setempat.** Lantaran itu, komitmen untuk menyediakan fasiliti perpustakaan seperti PD di seluruh negara dan menjadikannya sebagai agen perpaduan turut menjadi antara agenda Kementerian Perpaduan Negara.
9. Sehingga kini, **terdapat sebanyak 506 Perpustakaan Desa** di seluruh negara. Kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan bilangan PD di seluruh negara dan menjadi fokus kita untuk meningkatkan bilangan PD di Sabah dan Sarawak memandangkan masih banyak kawasan DUN dan Parlimen yang masih belum mempunyai perkhidmatan perpustakaan.
10. Selain itu, saya juga dimaklumkan daripada **51 buah Perpustakaan Desa (PD)** Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di Sabah **terdapat 31 buah PD yang masih tidak mempunyai infra internet.** Sehubungan itu, saya memohon jasa baik YB Menteri Sains Teknologi dan Inovasi Negeri

Sabah untuk membantu mempercepatkan capaian internet di semua 31 buah PD PNM di negeri Sabah ini.

11. Keperluan capaian internet ini amat penting bagi membolehkan segala bentuk penyebaran maklumat dapat dimanfaatkan oleh semua masyarakat di negeri Sabah sekaligus meningkatkan sosio ekonomi dan sosio budaya komuniti setempat.
12. Saya dimaklumkan bahawa **bangunan asal PD Kampung Kumbatang ini diwujudkan dengan mengubahsuai bangunan sedia ada untuk dijadikan PD pada tahun 2005.** Syabas kerana berjaya **melestarikan dan “menghidupkan” perpustakaan ini melalui pelbagai program seperti klik *eUsahawan*** yang bertemakan perpaduan.
13. Untuk makluman semua pada tahun ini, program **Klik eusahawan akan dilaksanakan di sebanyak 10 lokasi** di seluruh negara dengan kerjasama Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC). Program ini bertujuan untuk melahirkan usahawan muda dan membantu menggunakan platform media sosial bagi mempromosikan produk-produk keusahawanan yang digerakkan di perpustakaan desa.

14. Dengan ini juga, saya ingin mengumumkan bahawa kementerian akan mengambil pendekatan "**Merakyatkan Perpustakaan**" sebagai satu modus operandi baharu bagi meningkatkan peranan perpustakaan dalam membentuk masyarakat Malaysia MADANI.
15. Melalui usaha ini, pemerksaan Perpustakaan Desa akan diberikan penekanan dengan meningkatkan capaian internet dan kemudahan ICT. PNM juga akan melaksanakan kajian keberkesanan perpustakaan desa kepada pembangunan komuniti setempat.

PENUTUP

16. Di sinilah pentingnya perpustakaan sebagai agen perpaduan terus memainkan peranannya sebagai pusat pembangunan komuniti setempat. Benarlah kata seorang ilmuwan (R. David Lankes), "***Bad libraries build collections, good libraries build services, great libraries build communities***".
17. Akhir kata, semoga bangunan baharu mencetuskan semangat baharu untuk seluruh penduduk Kampung Kumbatang terus menimba ilmu untuk menjadi sebuah masyarakat yang berpengetahuan tinggi.

18. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan
**Bangunan Baharu Perpustakaan Desa Kampung
Kumbatang, Matunggong, Kudat, Sabah.**

Sekian, terima kasih.